

BERITA HARIAN

DATE: 25 / 09 / 2007

# Dr M stabil, masih berehat

BH - 25/9/2007

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad stabil dan sedang berehat apabila doktor memberinya ubat tidur selepas menjalani pembedahan kedua bagi membuang tisu luka pembedahan pertama yang dijangkiti kuman, kelmarin.

Anak Dr Mahathir, Datin Paduka Marina, dalam laman blognya yang digunakan sebagai sumber rasmi keluarga bekas Perdana Menteri, berkata beliau kali pertama melihat ayahnya selepas pembedahan kedua, semalam.

“Beliau diberi ubat tidur kerana

perlu berehat. Bagaimanapun, ini bukannya bermakna beliau ‘tidak sedarkan diri’ kerana doktor boleh menyedarkan beliau jika mereka mahu, tetapi setakat ini keadaan belum mengizinkan.

“Beliau boleh dengar dan bertindak balas apa yang kami kata,” katanya.

Jurucakap Institut Jantung Negara (IJN) ketika dihubungi menjelaskan Dr Mahathir stabil dan sedang berehat.

Sementara itu, IJN dalam kenyataannya malam tadi menjelaskan Dr Mahathir sudah sedar dan berada dalam

keadaan stabil serta dipantau rapi.

“Doktor gembira dengan kemajuan yang ditunjukkan Dr Mahathir dan bekas Perdana Menteri itu sudah boleh menerima kunjungan anggota keluarga terdekat,” katanya.

Dr Mahathir menjalani pembedahan selama tiga jam malam kelmarin selepas 19 hari menjalani pembedahan pintasan jantung pada 4 September lalu.

Marina dalam blognya itu berkata, doktor pakar perlu membuat pembedahan sekali lagi kerana luka pembedahan sebelum ini dijangkiti kuman.